

18

KAJIAN PENGAJARAN: PENGAJARAN PENULISAN PENGENALAN KARANGAN DESKRIPTIF

Daniel Phua & Nur Khairiani Jamal
Sekolah Menengah St Hilda's

ABSTRAK

Projek kajian pengajaran ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran menulis permulaan karangan deskriptif selain memperluas pemikiran kreatif dan kritis pelajar. Projek ini juga bertujuan untuk memperkenalkan idea bagi memulakan cerita menggunakan pelbagai latar dan aspek kehidupan seorang insan. Kajian ini melihat dengan terperinci dari sudut pemerhatian aktiviti kumpulan berfokus dalam meningkatkan komunikasi antara pelajar, selain membimbing dan memperjelas pemikiran serta pembelajaran dan perubahan pengajaran di dalam kelas yang menyokong serta memudah cara pelajar untuk menulis pengenalan yang lebih memikat pembaca. Proses ini melibatkan penggunaan rangsangan visual seperti lagu, klip video dan penilaian rakan sebaya dan kesemua proses ini membuat para pelajar lebih terlibat dalam proses pembelajaran mereka.

Pengenalan

Projek Kajian Pengajaran ini telah dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan lagi proses dan berlakunya pembelajaran berpusatkan pelajar dalam pelajaran kemahiran menulis. Fokus projek kajian pengajaran ini merupakan pengajaran dan pembelajaran pengenalan karangan deskriptif, selain daripada tujuan untuk meningkatkan lagi pemikiran kreatif dan kritis pelajar. Projek ini juga bertujuan untuk mengenalkan idea untuk memulakan cerita dengan menggunakan pelbagai latar dan aspek kehidupan seorang insan kepada pelajar-pelajar menengah bawah, yang sebelum pelaksanaan projek ini, tidak terdedah kepada proses penulisan deskriptif yang baik.

Dalam pada itu, objektif umum projek ini adalah untuk memudahkan lagi pembelajaran berdasarkan pemilihan and sintesis informasi yang membantu pelajar menulis permulaan karangan yang menarik. Kemajuan kelakonan pelajar pula diukur menerusi perbandingan dan analisis praujian dan pascaujian.

Kertas kerja ini akan membincangkan dua perkara yang berikut:

- a) pemerhatian aktiviti kumpulan berfokus dalam meningkatkan komunikasi antara pelajar, selain membimbing proses pemikiran dan pembelajaran; dan
- b) perubahan dalam pengajaran yang dapat menyokong dan memudah cara pelajar untuk menulis pengenalan yang lebih menarik.

Antara perubahan dalam pengajaran yang telah dilaksanakan dalam projek ini ialah penggunaan bahan rangsangan seperti klip lagu dan video, serta juga penerapan teknik penilaian rakan sebaya.

Kajian Lepas

Menurut buku 'Building Our Understanding of Lesson Study' oleh Makoto Yoshida dan Patsy Wang Iverson (2001), kajian pengajaran atau *jogyokenkyu* dalam bahasa Jepun merupakan proses yang dapat meningkatkan lagi profesionalisme guru. Tambah Yoshida lagi, ramai guru di Jepun telah menganggap kajian pengajaran sebagai usaha yang penting dan amat diperlukan dalam kerjaya mereka.

Tinjauan kajian telah menunjukkan bahawa para pelajar kerap menyalin semula pengenalan karangan yang berbentuk serupa dengan apa yang ditanyakan dalam soalan. Dengan kata lain, para pelajar, khususnya kebanyakan pelajar di Menengah Dua Ekpres dan Normal Akademik, cenderung menyalin semula soalan yang diberi bagi karangan. Sebagai contoh, jika tajuk karangan yang diberikan ialah 'Orang yang saya sanjungi', didapati kebanyakan pelajar akan menyalin semula tajuk sebagai permulaan karangan mereka, iaitu "*Orang yang saya sanjungi ialah....*".

Di samping itu, didapati juga permulaan karya karangan tidak memaparkan ciri kesenian bahasa yang berupaya untuk meningkatkan lagi mutu dan nilai kesusasteraan dalam karya. Penggunaan pancaindera dalam penulisan juga kurang dalam isi kandungan hasil karya.

Tujuan Kajian

Matlamat projek kajian pengajaran ini adalah seperti yang berikut:


- a) penggunaan pancaindera dalam memperkenalkan sesuatu watak;
- b) penggunaan pengenalan yang pelbagai; dan
- c) penggunaan ciri bahasa yang membuat pengenalan lebih menarik.

Kaedah Kajian

Prosedur Kajian

Praujian


Satu ujian diagnostik telah dijalankan untuk mengenal pasti dan mengkategorikan para pelajar berdasarkan kebolehan kemahiran menulis mereka, iaitu kumpulan berkebolehan tinggi dan berkebolehan sederhana. Ujian diagnostik tersebut merupakan penulisan permulaan karangan yang bertajuk 'Orang yang saya sanjungi'. Hampir kesemua responden menulis tentang ibu atau ayah mereka dan mempunyai persamaan dari segi pendekatan, isi dan gaya bahasa. Pemilihan kata dan frasa yang digunakan oleh pelajar dapatlah dikatakan terhad.



Gambar Rajah 1: Prapengajaran Peratusan Pelajar yang Menggunakan Pengenalan yang Pelbagai bagi Kedua-dua Kumpulan


Secara terperinci, data menunjukkan bahawa 23% daripada pelajar menggunakan pengenalan karangan yang pelbagai ataupun '*varied introduction*' sementara 77% pelajar lagi tidak menunjukkan kepelbagaian dalam permulaan karangan deskriptif. Dengan kata lain, sebanyak 77% tidak

menunjukkan daya kreatif dalam karangan mereka. Namun, unsur kreativiti lebih ketara bagi pelajar yang berkebolehan tinggi berbanding mereka yang berkebolehan biasa. Sebanyak 86% telah menulis permulaan deskriptif yang pelbagai dan dapatan ini menunjukkan sebahagian daripada mereka lebih yakin akan bahasa dan cara huraian mereka.



Gambar Rajah 2: Praujian - Peratusan Pelajar Menengah 2 (HA) yang Menggunakan Pengenalan yang Pelbagai

Hal ini berlaku sebaliknya bagi para pelajar yang berkebolehan sederhana. Hampir 87% tidak menulis pengenalan karangan yang bermutu tinggi, iaitu menunjukkan ciri bahasa yang tinggi serta penggunaan pancaindera dalam penulisan.



Gambar Rajah 3: Praujian - Peratusan Pelajar Menengah 2 (LA) yang Menggunakan Pengenalan yang Pelbagai (Tahap Biasa)

Sekolah Menengah St Hilda's
Menengah Rendah
Lampiran Permulaan Karangan Deskriptif ②

Nama: Haziq 2D Tarikh: 5/8/10

Arahan: Tuliskan permulaan bagi 3 tajuk karangan deskriptif di bawah ini.

1) Orang Yang Saya Sanjung

Orang yang saya sanjung ialah bapa saya. Bapa saya bekerja keras untuk menampung kehidupan kami sekeluarga. Bapa saya juga seorang yang penyayang.

SAMPEL PELAJAR A

Pelajar menggunakan banyak pengulangan dan menyenaraikan sifat bapanya.

Sekolah Menengah St Hilda's
Menengah Rendah
Lampiran Permulaan Karangan Deskriptif ③

Nama: Tarikh: 4-8-10

Arahan: Tuliskan permulaan bagi 3 tajuk karangan deskriptif di bawah ini.

1) Orang Yang Saya Sanjung

Orang yang saya sanjung ialah ibu saya. Dia mempunyai sifat yang amat saya kagumi. Ibu saya adalah seorang wanita yang peramah, penyayang, penyabar dan juga baik hati. Dialah orang yang selalu saya sayangi. Apabila saya ada masalah, ibu akan mengetahuinya dahulu.

SAMPEL PELAJAR B

Pelajar memulakan karangan seperti menjawab soalan kefahaman. Permulaan terlalu terus.

Sekolah Menengah St Hilda's
Menengah Rendah
Lampiran Permulaan Karangan Deskriptif (1)

Nama: Tarikh: 4-8-10

Arahan: Tuliskan permulaan bagi 3 tajuk karangan deskriptif di bawah ini.

1) Orang Yang Saya Sanjungi
 Ibu saya telah banyak berkorban untukku. Ibu juga adalah
 teman bagiku. Sanjungan yang setinggi-nya hanya untukmu, Ibu.

SAMPEL PELAJAR C

Pelajar menggunakan banyak pengulangan iaitu 'ibu saya'. Ayat yang digunakan pula hanya aktif dan tidak banyak ciri atau gaya bahasa yang menarik.

Menulis Permulaan Karangan

1) Seseorang yang aku sanjungi.

Aku sanjungi kakek aku. Dia ^{adalah} seorang yang bijak dan baik. Pada zaman dahulu, kakek aku belajar di sekolah menengah. Dia lulus peperingkat GCE 'O' levelsnya tetapi tidak ada wang untuk pergi ke Singapore Politeknik (Politeknik yang ada pada zaman dahulu). Dia mahu menjadi 'engineer' semenjak kecil dan mahu pergi ke politeknik untuk menjadi itu. Walaupun dia tidak ada pelajaran untuk menjadi 'engineer', dia belajar dengan ^{men} beli buku ^{itu} bahawa itu. Selepas beberapa tahun, dia menjadi 'supervisor' untuk 'engineer' kerana dia tidak ada pelajaran untuk menjadi 'engineer'. Dia pun gembira.

SAMPEL PELAJAR D

Pelajar lemah dalam bahasa Melayu. Walaupun terdapat banyak kesalahan tatabahasa, tumpuan hanya diberikan kepada gaya penulisan pengenalan karangan.

Sampel yang dikemukakan merupakan contoh dan data yang sering ditemui. Berdasarkan contoh sampel yang telah diberikan di atas, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan bentuk ayat yang ditemui ialah ayat aktif yang tidak disokong dengan huraian atau penerangan yang lebih jelas.

Perancangan

Rancangan pengajaran bagi kajian ini telah dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu induksi, kerja individu, kerja kumpulan, penilaian rakan sebaya dan penutup. Bahagian ini yang menjadi perancah dalam pengajaran dan pembelajaran pelajaran sewaktu kajian dijalankan.

a) Kaedah Pengajaran: Pengajaran Pembezaan (Differentiated Instruction)

Pendekatan pengajaran pembezaan telah digunakan dalam kajian pengajaran ini. Aspek yang telah dibezakan ialah isi kandungan. Para pelajar telah dibahagikan kepada kumpulan mengikut kemahiran dan keupayaan masing-masing. Berdasarkan kumpulan tersebut, pelajar telah diberikan teks yang berbeza dari segi jumlah perkataan dan keupayaan kosa kata.

b) Penggunaan ICT dalam set Induksi

Bahan digital atau IT telah digunakan dalam induksi pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat dan melibatkan pelajar dalam perbincangan pelajaran. Bahan ini pula disokong dengan teknik menyoal untuk mencungkil minda pelajar. Di samping itu, permainan bahasa seperti 'jigsaw' juga digunakan untuk mendapatkan tumpuan dan pelibatan pelajar.

c) Teknik Pembelajaran Kerja individu & Berkumpulan

Dengan menggunakan teknik berfikir-berpasangan-berkongsi pembelajaran koperatif, para pelajar akan mencari dan mengkategorikan maklumat kepada empat bahagian. Maklumat tersebut akan menjadi bahan sokongan dan rujukan penulisan deskriptif. Seajar dengan usaha tersebut, antara teknik pengajaran yang digunakan termasuklah penggunaan audio-visual, peta minda dan kad berwarna. Pelajar diajar menggunakan peta minda untuk merumuskan isi utama dan menyampaikan kerja kumpulan di depan kelas.

Guru juga mengajukan pelbagai soalan sesuai dengan tahap keupayaan murid yang berza-beza. Pelbagai soalan disediakan mengikut kesesuaian tahap kecerdasan pelajar.

d) Kaedah Pembelajaran – Kuliah Kecil

Selain itu kuliah kecil telah dikelolakan untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi, strategi para wartawan dalam penulisan pengenalan yang dapat menarik dan memikat para pembaca. Penilaian rakan sebaya pula dijalankan pada akhir pengajaran tersebut.

Peranan Pihak Yang Berwibawa (Knowledgeable Others)

Guru Pakar ,Cikgu Naim Daipi, membimbing guru selama beberapa minggu untuk merancang, memerhati dan mendorong kami menjayakan projek ini. Beliau juga bertindak sebagai pengerusi mesyuarat pascapengajaran. Dua pegawai dari Pusat Bahasa Melayu Singapura turut terlibat sebagai pemerhati. Guru daripada jabatan yang lain seperti Cikgu Shahril dari Jabatan Muzik dan Cikgu Sharifah dari Jabatan Sains turut menjadi pemerhati. Kesemua pemerhati telah memberi input berdasarkan pemerhatian terhadap interaksi antara pelajar dengan pelajar dan hasil kerja mereka.

Sesi maklum balas selepas pencerapan bersama pihak yang berwibawa ternyata amat berguna dalam memperhalusi rancangan pengajaran bagi sesi Pengajaran kedua. Pemerhatian telah tertumpu kepada dua aspek utama iaitu:


- a) Teknik dan isi pengajaran; dan
- b) Pembelajaran pelajar dari aspek sosial dan emosi (SEL).

Antara maklum balas yang penting termasuklah memberikan para pelajar satu hala tuju untuk terus maju dan berjaya, melalui sokongan, bimbingan, dorongan dan pujian secara konsisten dan secara sedar. Usaha ini telah dilakukan dengan menyelitkan aspek memberi pujian ini ke dalam rancangan pengajaran itu sendiri.


Dapatan Kajian

Berdasarkan maklum balas para pemerhati, sejumlah pelajar kedua-dua kelas menunjukkan bahawa 77% daripada mereka menggunakan pengenalan karangan yang pelbagai sementara 23% pelajar lagi tidak menunjukkan

kepelbagaian dalam permulaan karangan deskriptif. Dengan kata lain sebanyak 77% kini menunjukkan pengenalan karangan yang lebih menarik.




Gambar Rajah 4: Pascapengajaran - Peratusan Pelajar yang Menggunakan Pengenalan yang Pelbagai bagi Kedua-dua Kumpulan



Gambar Rajah 5: Pascapengajaran - Peratusan Pelajar Menengah 2 (HA) yang Menggunakan Pengenalan yang Pelbagai

Unsur kreativiti dalam cara pelajar berbahasa dan memulakan karangan lebih ketara bagi pelajar yang berkebolehan tinggi daripada mereka yang kebolehan sederhana. 100% golongan pelajar ini telah berjaya menulis pengenalan deskriptif yang pelbagai.



Gambar Rajah 6: Pascapengajaran - Peratusan Pelajar Menengah 2 (LA) yang Menggunakan Pengenalan yang Pelbagai (Tahap Biasa)

Berbanding 87% yang tidak menulis pengenalan karangan yang bermutu tinggi atau menunjukkan ciri bahasa yang tinggi serta isi pancaindera yang lebih peka, kini cuma 62% yang tidak menulis pengenalan yang kreatif.

Sekolah Menengah St Hilda's
Menengah Rendah
Lampiran Permulaan Karangan Deskriptif (2)

Nama: _____ Tarikh: 30-8-10

Arahan: Tuliskan permulaan bagi 3 tajuk karangan deskriptif di bawah ini.

1) Orang Yang Saya Sanjungi

Pada tanggal 16 March 1968, di sebuah kampung, terdengar seorang bayi perempuan yang baru sahaja dilahirkan. Bayi perempuan itu membesar menjadi seorang wanita yang cantik, peramah, penyayang, penyabar dan juga baik hati. Wanita itu adalah ibu saya.

SAMPEL PELAJAR A: Hasil Kerja Selepas Pengajaran

Perbezaan jelas kelihatan dari segi cara pelajar menggunakan latar waktu dan tempat sebagai permulaan.

Sekolah Menengah St Hilda's
Menengah Rendah
Lampiran Permulaan Karangan Deskriptif (2)

Nama: _____ Tarikh: 30/9/10

Arahan: Tuliskan permulaan bagi 3 tajuk karangan deskriptif di bawah ini.

1) Orang Yang Saya Sanjungi

Beliau umpama bidadari dari syurga. Sewaktu saya duka, beliaulah penawarnya. Beliau juga merupakan tempat saya mengadu. Beliau adalah insan yang amat saya sanjungi. Beliau adalah Ibuku.

SAMPEL PELAJAR B: Hasil Kerja Selepas Pengajaran

Peningkatan dapat dilihat dari segi gaya bahasa yang digunakan. Pelajar telah berjaya menggunakan perumpamaan.

Sekolah Menengah St Hilda's
Menengah Rendah
Lampiran Permulaan Karangan Deskriptif (2)

Nama: _____ Tarikh: 30/8/10


Arahan: Tuliskan permulaan bagi 3 tajuk karangan deskriptif di bawah ini.

1) Orang Yang Saya Sanjungi

Setiap kali melihat mukanya yang penat setelah pulang dari kerja, saya akan berasa kesian kepadanya. Beliau banyak berkorban untuk kami semua. ~~Seperti~~ Bukan itu sahaja, beliau juga merupakan seorang bapa yang penyayang.

SAMPEL PELAJAR C: Hasil Kerja Selepas Pengajaran

Peningkatan amat ketara dari segi permulaan yang berbeza dan menggunakan kaedah renungan semula.



SAMPEL PELAJAR D: Hasil Kerja Selepas Pengajaran

Bagi para pelajar ini peningkatan selepas pengajaran dilakukan kerana masih tidak menggunakan gaya bahasa yang pelbagai dalam pengenalan.

Kesimpulan

Projek kajian pengajaran ini telah membantu para guru merancang dan melaksanakan pengajaran yang memerlukan melibatkan aktif para pelajar. Pada masa yang sama, projek ini juga telah memberi para guru peluang dan ruang untuk meningkatkan lagi kemahiran dan kepakaran bersama-sama, di samping memahami dan meningkatkan lagi profil, kemahiran, kebolehan dan keperluan para pelajar. Pencapaian tersebut tidaklah akan dapat direalisasikan sekiranya proses melibatkan pihak berkepentingan, pakar rujuk dan guru pakar dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian setiap tahap dan fasa kajian pengajaran.

Rujukan

- Lewis, Catherine. (2006). *Lesson Study: A Handbook of Teacher-Led Instructional Change*, Research for Better Schools.
- Stepanek, Jennifer, et al. (2006). *Leading Lesson Study: A Practical Guide for Teachers and Facilitators*, Corwin Press.
- Wang-Iverson, Patsy et al. (2005), *Building Our Understanding of Lesson Study*, Research for Better Schools.